

TARIKH : 4 FEBUARI 2021
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 38

FELDA beli baki saham FGV

FELDA membeli semua baki saham dalam FGV Holdings Bhd berjumlah 461,500 unit (kecuali saham perbendaharaan) daripada pasaran terbuka pada RM1.30 bagi setiap tawaran saham.

Dalam kenyataannya semalam, Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB), penasihat utama kepada FELDA bagi tawaran pengambilalihan saham FGV, menjelaskan saham itu dibeli pada Selasa.

Menurutnya, pembelian itu turut merangkumi semua saham FGV di bawah pelan insentif jangka panjangnya.

Pada 8 Disember lalu, FELDA yang sudah memiliki 21.24 peratus kepentingan dalam FGV,

meningkatkan pegangan dalam syarikat itu kepada 35.12 peratus dan bercadang menjadikan FGV sebagai syarikat persendirian pada RM1.30 sesaham.

Tambahan 13.88 peratus kepentingan pula sudah dibeli dari pada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP (6.1 peratus) dan Urusharta Jamaah Sdn Bhd (7.78 peratus).

FELDA dalam satu kenyataan baru-baru ini berkata, pengambilalihan FGV adalah langkah penting dalam Pelan Pemulihan yang diluluskan oleh kerajaan demi manfaat warga FELDA.

Katanya, ia dibuat pada termasuk yang munasabah dan tidak membabitkan kepentingan peribadi

mana-mana pihak.

“Sesi penerangan juga sudah dilaksanakan secara maya kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Peneroka, Majlis Belia FELDA Malaysia, Kami Anak FELDA, pengurusan wilayah dan rancangan FELDA, kakitangan serta pesara FELDA untuk membolehkan mereka memahami kepentingan usaha yang dijalankan dan dapat disampaikan kepada warga peneroka.

“Semuanya demi kepentingan 112,638 peneroka dan dua juta warga besar FELDA. Sokongan kakitangan, peneroka dan seluruh warga FELDA pastinya menjadi antara faktor utama kejayaan usaha ini,” katanya.